

DBKL lancar Program KL Kreatif, fokus usaha peremajaan ibu kota

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama perunding kemakmuran bandar, Think City melancarkan Program Geran KL Kreatif dan Cabaran Urban Kreatif KL yang memberi fokus kepada peremajaan pusat bandar Kuala Lumpur (KL) pada 6 Jun lalu.

Inisiatif itu menjadi antara tumpuan utama dalam Belanjawan 2023 seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Malah, penekannya menunjukkan komitmen kerajaan untuk membentuk bandar yang berdaya huni, berdaya tahan dan mampan, selain mengutamakan kesejahteraan termasuk kualiti hidup untuk rakyat Malaysia.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh, berkata Program Geran KL Kreatif dan Cabaran Urban Kreatif KL Kreatif mampu membawa transformasi kepada Kuala Lumpur sebagai bandar raya kreatif dan sarat dengan elemen kebudayaan termasuk mening-

katkan tarafnya.

“Saya teruja dengan pelancaran Program Geran Kreatif KL dan Cabaran Urban Kreatif KL.

“Inisiatif ini membuka peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat memainkan peranan penting untuk meremajakan pusat bandar sebagai daerah kreatif dan kebudayaan.

“Usaha ini adalah sebahagian daripada memorandum persefahaman (MoU) ketiga yang ditandatangani DBKL dan Think City, baru-baru ini.

“Projek ini bagi mengukuhkan kerjasama dalam usaha transformasi pusat bandar Kuala Lumpur sebagai destinasi kreatif, meningkatkan daya huni, menambah baik persekitaran awam, meningkatkan aktiviti di ruang berkenaan dan banyak lagi,” katanya.

Usaha itu selaras Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD) yang dibangunkan pada 2019 oleh DBKL dan Think City, dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Bu-

daya (MOTAC), Jabatan Warisan Negara (JWN) serta Yayasan Hasanah.

Matlamat projek itu adalah untuk memulihara dan ‘memaknakan’ Kuala Lumpur yang bersejarah ke arah pembentukan sebuah hab inklusif, kreatif, dinamik dan berkembang pesat buat perniagaan dan penduduk setempat demi meningkatkan daya huni serta tarikan pengunjungnya.

Tawar 1,300 peluang kerja

Sementara itu, Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed, berkata pihaknya menyedari potensi ekonomi kreatif dalam membentuk bandar yang dinamik dengan memanfaatkan kekayaan aset budaya dan warisan pusat bandar Kuala Lumpur.

“Sebagai sebuah organisasi berimpak tinggi yang komited membentuk bandar berdaya huni, kami percaya ekosistem serta aktiviti kreatif dan budaya yang rancak adalah amat penting.

“Peruntukan RM15 juta dalam Belanjawan 2023 akan terus me-



DBKL komited membentuk bandar berdaya huni, berdaya tahan dan mampan.

(Foto hiasan)

mangkinkan usaha pemulihan dan peremajaan pusat bandar Kuala Lumpur serta kawasan penting berhampirannya.

“Ini juga membantu menangani beberapa isu berkaitan untuk menjadikan pusat bandar lebih lestari dan berdaya huni.

“Dianggarkan bahawa inisiatif di bawah peruntukan Belanjawan 2023 ini mampu mewujudkan lebih 1,300 peluang pekerjaan dan menjana 200 aktiviti yang akan memeriahkan lagi pusat bandar.

“Selain itu, pelbagai program juga dilaksanakan dengan ma-

tlainat memperingkatkan kehidupan komuniti setempat dan memperkenalkan kaedah penyelesaian inovatif yang berupaya mempertingkatkan daya huni secara keseluruhan,” katanya.

Bagi Program Geran KL Kreatif yang sudah dibuka permohonannya, bertujuan memelihara dan menonjolkan kekayaan warisan budaya pusat bandar Kuala Lumpur, selain memulihkan aset warisan budaya yang kurang digunakan termasuk memperkasakan komuniti setempat menerusi inisiatif pembangunan kapasiti dan program komuniti.